



• CHONG Keng Shin sedang menerima tanjaknya daripada Presiden Persatuan Bawean Singapura, Haji Buang Masadin, dalam majlis Ahad lalu.

BERITA HARIAN, RABU, 22 APRIL, 1987 (23 SYAABAN 1407)

Mengajar pesilat muda Cina dalam Memahami bahasa Inggeris budaya Melayu melalui silat

22 APR 1987

APABILA menonton ketangkasan mereka semasa mengorak langkah silat, agak sukar untuk memastikan bangsa mereka.

Namun, pesilat-pesilat bukan Melayu ini tidak kurang handalnya jika dibandingkan dengan para pesilat Melayu yang lain.

Bersama pesilat-pesilat Melayu, lima orang pesilat Cina telah menerima tanjak masing-masing setelah tamat satu tahap dalam silat Selayang Pandang, Ahad lalu.

Salah seorang daripada mereka, Chong Keng Shin, 18 tahun, berkata: "Seni silat adalah mencabarkan jika dibandingkan dengan seni pertahanan diri yang lain. Ia merupakan sesuatu yang unik."

Penuntut Maktab Rendah Anderson, Chong juga menerima sebilah keris kerana sikap beliau yang bertanggungjawab dan mempunyai inisiatif.

Beliau mula menceburi seni silat sejak dua tahun lalu ketika menuntut di Se-

kolah Menengah Mayflower atas dorongan kawan-kawannya dan juga pelatih silat yang ketika itu bertugas di sekolah tersebut.

Kebudayaan

Dalam mempelajari silat itu, katanya, beliau mendalami kebudayaan Melayu yang meliputi adat resam dan dengan secara tidak langsung memahami cara kehidupannya.

Beliau adalah antara empat pesilat yang telah menerima tanjak peringkat Anak Selayang, sementara lapan yang lain, termasuk dua wanita menerima tanjak peringkat Murid Selayang.

Seramai enam yang lain menerima tanjak peringkat Ahli Selayang.

Menurut pemimpin Perkumpulan Selayang Pan-

dang, Encik Dzulkarnain Noordin, 29 tahun, yang bertugas di Sekolah Menengah Beatty, pesilat-pesilat Cina tidak mempunyai masalah bersilat, kerana ianya diajar tanpa ciri-ciri

kebatinan atau keagamaan.

"Bagaimanapun, kesemua pesilat digalakkan untuk mempercayai Tuhan dan berdoa secara persendirian berdasarkan kepercayaan masing-masing agar latihan berjalan dengan selamat dan tidak mengganggu," jelas Encik Dzulkarnain yang telah memulakan silat Selayang Pandang sejak empat ta-

hun yang lalu.

Seorang lagi pesilat, Encik Ong Chee Wee, 20 tahun, yang sedang menjalani Perkhidmatan Negara, berkata pengalaman beliau dalam taekwondo telah membolehkan beliau membezakan antara dua seni pertaha-